



**KENYATAAN MEDIA – TARikh: 12 DISEMBER 2024**  
**MENTERI PEMODENAN PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN**  
**WILAYAH SARAWAK**

**KES DEMAM BABI AFRIKA (ASF) DI SARAWAK**

Berikutan kes penyakit African Swine Fever (ASF) yang dikesan pada ternakan babi di Mongkos, Daerah Tebedu pada 29 November 2024. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) telah mengambil tindakan kawalan keatas ternakan babi dan ladang terlibat agar tidak merebak ke ladang-ladang babi yang berdekatan.

Daerah-daerah lain di Sarawak masih bebas ASF. Virus ASF ini hanya menjangkiti ternakan babi sahaja dan tidak kepada manusia. ASF juga tidak menyerang ternakan lain kerana ianya bersifat hos spesifik dan tidak zoonotik.

Saya ingin mengingatkan kepada semua penternak untuk meningkatkan biosekuriti ladang dengan memastikan ladang mempunyai kemudahan seperti *vehicle dip/foot dip* serta pagar perimeter yang utuh. Penternak juga harus mengawal pergerakan keluar/masuk ternakan, kenderaan dan individu. Pemindahan babi hidup adalah dilarang tanpa permit pemindahan dari DVSS. ASF adalah penyakit babi yang tidak mempunyai vaksin, tiada ubat dan boleh menyebabkan kerugian besar. Oleh itu, penternak harus mengambil berat terhadap langkah-langkah kawalan yang dinyatakan.

Penternak babi diingatkan untuk tidak memberikan sisa makanan/sisa dapur kepada ternakan babi tanpa dimasak selama 30 minit untuk cegah virus ini. Jangan membawa masuk haiwan baru yang tidak diketahui status kesihatan. Tanda-tanda klinikal ASF ini adalah kematian tinggi pada ternakan babi, demam panas, kesukaran bernafas, kemerahan/lebam pada kulit, hilang selera makan, murung, muntah, cirit – birit, bengkak sendi, luka (*ulcer*) kulit, dan hidung berair. Jika penternak mendapati adanya tanda-tanda ini, segeralah menghubungi Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang terdekat.

Berkenaan dengan video tular dalam internet, ia merupakan video lama yang berlaku diluar negara dan bukannya di Sarawak. Video ini ditular semula.

Bagi sambutan hari Krismas, bekalan babi di Sarawak adalah mencukupi dan boleh didapati dimana-mana kedai produk babi diseluruh Sarawak. Bekalan daging babi yang terdapat dipasaran adalah selamat untuk dimakan.

-Tamat-

**YB Dato Sri Dr Stephen Rundi Anak Utom,  
Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak**